<table>
<tr><th colspan="3">NO. SOALAN</th><th>PERATURAN PEMARKAHAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>1</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Dua ciri tersebut selain memelihara solat:<br>- Menunaikan zakat<br>- Menjaga kehormatan/maruah/kemaluan diri<br>- Menjaga amanah dan janji<br>- beriman kpd Allah<br>- khusyuk dalam solat<br>- menjauhi perbuatan dan perkataan sia-sia</td><td>2 isi x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua akibat salah laku seksual:<br>- Menggugat keharmonian hidup bermasyarakat.<br>- Hilang kelayakan dalam mewarisi harta pusaka bagi anak yang tidak sah taraf.<br>- Menyebabkan keruntuhan institusi keluarga.<br>- Menyebabkan gangguan emosi dan mental.<br>- Terdedah kepada penyakit fizikal seperti aids, dan sipilis.<br>- Mencetuskan pelbagai perbuatan jenayah.<br><br>Catatan: Jawapan hendaklah ditulis dalam ayat yang lengkap.</td><td>2 isi x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Jawapan KBAT 2M–<br><br>حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ<br>Maksudnya: Marilah menunaikan solat<br><br>Mengapakah terdapat segelintir remaja hari ini mengabaikan seruan di atas?<br><br>RUBRIK PENSKORAN:<table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas</td><td>2 markah</td></tr></table>Cadangan isi:<br>- Lalai dengan hiburan / media.<br>- Mengutamakan dunia berbanding akhirat.<br>- Ilmu agama yang dipelajari tidak diamalkan.<br>- Terpengaruh dengan budaya barat / gejala sosial.<br>- Tidak takut pada azab Allah SWT.<br>- Mempunyai iman yang lemah.<br><br>Catatan: Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</td><td>2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>Jawapan KBAT 4M–</td><td>4m</td></tr>
</table>



Scanned with CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (iv) | Huraikan bagaimana anda memastikan ibadat tersebut dilaksanakan dengan sempurna.<br><br>**RUBRIK PENSKORAN:**<br><br>(see table below)<br><br>**Cadangan isi:**<br>- Berwuduk dengan sempurna.<br>- Menunaikan solat dalam waktu solat<br>- Menyegerakan solat / tidak melengahkan solat.<br>- Menunaikan solat secara berjemaah.<br>- Mempelajari ilmu berkaitan solat dengan lebih mendalam.<br>- Menetapkan waktu solat bersesuaian dengan jadual kerja atau belajar.<br>- Menyempurnakan rukun dan syarat sah solat.<br>- Menunaikan solat dengan penuh khusyuk.<br><br>**Catatan**: Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | |
| (*b*) | (i) | Maksud membunuh ialah perbuatan menghilangkan nyawa seseorang. | 1 isi x 2m = 2m |
| | (ii) | **Dua** contoh perbuatan membunuh:<br>- Menembak dengan senjata api.<br>- Menikam dengan pisau.<br>- Meletakkan racun dalam makanan.<br>- Menjerut leher dengan tali.<br>- Mencekik leher<br>- Menekap muka dengan bantal / plastik<br><br>**Catatan**: Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | 2 isi x 1m = 2m |

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan satu isi sahaja. | 1 m |
| Menyatakan isi berserta huraian ringkas. | 2 m |
| Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya. | 3 m |
| Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4 m |



Scanned with CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Jawapan KBAT 4M– | 4m |
| | | | Perbuatan *qazaf* menyebabkan perpecahan dalam kalangan keluarga dan masyarakat | |
| | | (iii) | Huraikan hujah anda untuk membenarkan pernyataan di atas. | |

**RUBRIK PENSKORAN:**

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan satu isi sahaja. | 1 m |
| Menyatakan isi berserta huraian ringkas. | 2 m |
| Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya. | 3 m |
| Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4 m |

**Cadangan isi:**

- Qazaf menjatuhkan maruah keluarga.
- Memutuskan hubungan kekeluargaan.
- Mendatangkan kebencian dalam keluarga.
- Masyarakat memandang serong kepada mangsa qazaf.
- Berlaku pergaduhan dalam keluarga / masyarakat.

**Catatan**: Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (*c*) | | **Dua** jenis *Mad Lazim*:<br>i. Mad Lazim Kalimi Musaqqal.<br>ii. Mad Lazim Harfi Mukhaffaf | 2 isi x 1m = 2m |



Scanned with CamScanner

<table>
<tr><th colspan="3">NO. SOALAN</th><th>PERATURAN PEMARKAHAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>2</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud nama Allah SWT al-Muntaqim:<br>Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Pembalas (1m) dengan menimpakan azab kepada orang yang melampaui batas (1m).</td><td>1 x 2m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Bukti kefahaman terhadap nama Allah SWT al-Muntaqim.<br>- Allah SWT memberikan pembalasan neraka terhadap orang yang menolak peringatan al Quran.<br>- Allah SWT menimpakan azab dalam peristiwa al-Dukhan terhadap kaum Quraisy kerana menolak dakwah Rasulullah SAW.<br>- Allah SWT memberikan pembalasan terhadap golongan yang menentang agama-Nya setelah diutuskan rasul kepada mereka.</td><td>1 isi x 2m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Jawapan KBAT 2M–<br><table><tr><td>Seorang murid sering membuli rakannya di sekolah kerana merasakan dirinya kuat dan berpengaruh.</td></tr></table><br>Bagaimanakah penghayatan terhadap sifat al-Muntaqim dapat mengatasi masalah di atas?<br><br>RUBRIK PENSKORAN:<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas</td><td>2 markah</td></tr></table><br>Cadangan isi:<br>- Murid akan takut melakukan kezaliman terhadap orang lain.<br>- Murid akan lebih menjaga akhlak dan tingkah laku.<br>- Remaja akan lebih berhati-hati dalam perbuatan.<br>- Remaja terdorong untuk memperbanyakkan amalan soleh.<br><br>Catatan: Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</td><td>2m</td></tr>
</table>



Scanned with CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iv) | Jawapan KBAT 4M–<br><br>**Seorang murid sering membuli rakannya di sekolah kerana merasakan dirinya kuat dan berpengaruh.**<br><br>Ramalkan kemungkinan yang akan berlaku sekiranya masalah di atas tidak dibendung.<br><br>**RUBRIK PENSKORAN:**<br><br>Kriteria \| Skor<br>Menyatakan satu isi sahaja. \| 1 m<br>Menyatakan isi berserta huraian ringkas. \| 2 m<br>Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya. \| 3 m<br>Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. \| 4 m<br><br>**Cadangan isi:**<br>- Hilang keyakinan diri.<br>- Mangsa akan mengalami tekanan emosi.<br>- Ramai murid akan berasa takut untuk hadir ke sekolah.<br>- Pembuli tidak merasa bersalah dengan perbuatan yang dilakukan.<br>- Berpotensi terlibat dengan jenayah yang lebih besar.<br><br>**Catatan:** Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | 4m |
| | (*b*) | (i) | Sejarah ringkas kemunculan aliran Khawarij:<br>Kumpulan pengikut Saidina Ali r.a yang berpaling tadah (*1m*) kerana tidak berpuas hati dengan keputusan Majlis Tahkim. (*1m*) | 2 isi x 1m= 2m |
| | | (ii) | **Dua** prinsip utama aliran Khawarij yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah:<br>- Jawatan Khalifah atau Imam hendaklah diserahkan pemilihannya kepada rakyat untuk memilih sesiapa sahaja kaum muslimin yang layak.<br>- Mereka menyatakan Saidina Ali r.a telah telah melakukan dosa besar serta kufur kerana bersetuju mengadakan Majlis Tahkim.<br>- Wajib keluar menentang pemimpin atau khalifah yang tidak adil.<br>- Beriktikad bahawa orang yang melakukan maksiat dikira berdosa besar dan kafir. | 2 isi x 1m= 2m |



Scanned with CamScanner

Jawapan KBAT 2M– **2m**




(iii) **Mengapakah masih terdapat umat Islam yang terpengaruh dengan fahaman di atas?**

**RUBRIK PENSKORAN:**

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja | 1 markah |
| Menjelaskan isi berserta huraian ringkas | 2 markah |

***Cadangan Isi*:**

- Keimanan yang lemah dalam diri *(1m)* kerana kurang mendalami ilmu agama. *(1m)*
- Pengaruh rakan sebaya yang sesat *(1m)* kerana fanatik terhadap kepada pengasas aliran sesat. *(1m)*
- Ingin mencuba perkara baru *(1m)* sehinggakan menyimpang dari ajaran yang sebenar. *(1m)*
- Mudah percaya kepada fahaman baharu *(1m)* tanpa merujuk akidah yang benar. *(1m)*

**Catatan:** Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.

Jawapan KBAT 4M– **4m**

(iv) Pada pendapat anda, adakah penguatkuasaan undang-undang sahaja memadai untuk mengatasi fahaman di atas? Huraikan jawapan anda.

**RUBRIK PENSKORAN:**

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan satu isi sahaja. | 1 m |
| Menyatakan isi berserta huraian ringkas. | 2 m |
| Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya. | 3 m |
| Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4 m |



Scanned with CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | ***Cadangan isi:***<br>- **Ya, melalui undang-undang dapat**<br>  - **Memberi hukuman yang berat kepada individu/ kumpulan yang menyebarkan fahaman yang salah.**<br>  - **Mengawal penyebaran fahaman daripada berleluasa.**<br>  - **Menimbulkan rasa takut dikenakan hukuman yang berat.**<br><br>- **Tidak, selain daripada penguatkusaan undang-undang**<br>  - **Mengadakan kempen / forum / ceramah tentang kesedaran akidah.**<br>  - **Peranan masyarakat memberi teguran dan nasihat.**<br>  - **Penyebaran keburukan fahaman melalui media sosial.**<br>  - **Pemerkasaan kurikulum pendidikan berkaitan ilmu akidah.**<br>  - **Penerapan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah sejak kecil.**<br><br>**Catatan**: Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | |

| NO. SOALAN | | | PERATURAN PEMARKAHAN | MARKAH |
|---|---|---|---|---|
| 3 | (*a*) | (i) | **Maksud wakaf:**<br>- **Mewakafkan harta yang dapat diambil manfaatnya serta kekal fizikal (ainnya) *(1m)* untuk penggunaan yang baik serta bertujuan mendapat keredhaan Allah. *(1m)*** | 1 isi x 2m = 2m |
| | | (ii) | **Dua contoh wakaf**<br>- **Mewakafkan rumah untuk pusat penjagaan anak yatim.**<br>- **Mewakafkan bangunan untuk dijadikan pusat pendidikan.**<br>- **Mewakafkan tanah untuk dibina masjid.**<br>- **Mewakafkan telaga untuk digunakan air bersih.**<br>- **Mewakafkan kenderaan kepada masjid untuk kegunaan urusan kebajikan.**<br>- **Mewakafkan wang tunai bagi tujuan pembelian van jenazah.**<br><br>**Catatan**: Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (iii) | Jawapan KBAT 4M– (lihat di bawah) | 4m |

Jawapan KBAT 4M–



(iii) **Pada pendapat anda, bagaimanakah amalan di atas dapat meningkatkan ekonomi umat Islam di negara kita?**

**RUBRIK PENSKORAN:**

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan satu isi sahaja. | 1 m |
| Menyatakan isi berserta huraian ringkas. | 2 m |
| Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya. | 3 m |
| Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4 m |

**Cadangan isi:**

- Tanah wakaf dapat dimajukan sebagai pusat perniagaan.
- Dapat menambahbaik infrastruktur kebajikan / perniagaan
- Dapat membantu golongan miskin dengan menyediakan medan niaga / kenderaan.
- Dapat mengurangkan kos sara hidup golongan miskin.

**Catatan**: Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.



Scanned with CamScanner

**(b) (i)** Dua tanggungjawab isteri : **2 isi x 1m = 2m**

- Mentaati perintah suami selagi tidak bertentangan dengan hukum syarak.
- Menjaga kehormatan diri dengan berpakaian menutup aurat, memelihara pandangan dan menjaga batas pergaulan ketika berada di luar rumah.
- Menjaga kemuliaan, maruah dan harta suami.
- Melakukan perkara yang menyenangkan hati suami.
- Mendapat keizinan suami sebelum keluar rumah

**Catatan:** Jawapan hendaklah ditulis dalam **ayat yang lengkap.**

---

Jawapan KBAT 2M. **2m**

> **Antara tanggungjawab suami dan isteri untuk menerapkan pendidikan akidah Islam yang betul kepada anak-anak sejak daripada kecil.**

**(iii)** Jelaskan kepentingan pendidikan di atas ke arah pembentukan generasi unggul.

**RUBRIK PENSKORAN:**

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja | 1 markah |
| Menjelaskan isi berserta huraian ringkas | 2 markah |

**Cadangan Jawapan:**

- Mampu menjadi pedoman yang teguh sepanjang hayat ***(I-1m)*** agar mempunyai akidah yang jitu. ***(H-1m)***
- Mengelakkan daripada mudah terpengaruh dengan fahaman dan ideologi yang bertentangan dengan Islam ***(I-1m)*** agar dapat berpegang dengan akidah yang benar. ***(H-1m)***
- Memelihara iman seorang muslim ***(I-1m)*** agar sentiasa yakin dengan ketentuan Allah SWT. ***(H-1m)***
- Menjadi asas penerimaan ibadah ***(I-1m)*** kerana bertepatan dengan al-Quran dan al-Sunnah sebagai rujukan. ***(H-1m)***

**Catatan:** Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.

---

Jawapan KBAT 4M. **4m**

**(iv)** Huraikan kesan kepada institusi keluarga sekiranya tanggungjawab di atas diabaikan.



Scanned with CamScanner

**RUBRIK PENSKORAN:**

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan satu isi sahaja. | 1 m |
| Menyatakan isi berserta huraian ringkas. | 2 m |
| Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya. | 3 m |
| Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4 m |

***Cadangan Isi:***

- Gaya hidup keluarga berkiblatkan barat dan hedonisme.
- Ahli keluarga kurang rasa tanggungjawab dan kasih sayang.
- Hilang panduan dalam menentukan hala tuju hidup keluarga.
- Berlaku perpecahan dalam keluarga kerana berlainan fahaman.
- Syariat Islam tidak dapat diamalkan sebaiknya dalam keluarga.
- Sesebuah keluarga akan dipandang serong oleh masyarakat.

**Catatan:** Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.

(c) Soalan hukum dan alasan. — 2 x 1m=2m

(a) Hukum : Haram
Alasan : Menceraikan isteri ketika dalam haid adalah dilarang

Hukum : Sah
Alasan : Talak adalah hak suami /Talak dilafazkan kepada isterinya yang sah.

(b) Hukum : Tidak sah
Alasan : Kerana perceraian talak tiga tiada rujuk

Catatan:

*Hukum betul, alasan betul = 2m*
*Hukum betul, alasan salah = 1m*
*Hukum salah, alasan betul = 0m*
*Hukum salah, alasan salah = 0m*



Scanned with CamScanner

| NO. SOALAN | | | PERATURAN PEMARKAHAN | MARKAH |
|---|---|---|---|---|
| 4. | (*a*) | (i) | **Dua pusat pemerintahan kerajaan Uthmaniah:**<br>- Sogut<br>- Bursa<br>- Edirne<br>- Istanbul | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (ii) | **Dua faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniah daripada aspek sosial:**<br>- Penjagaan kebajikan rakyat *(1m)* menerusi bantuan kepada golongan yang memerlukan. *(1m)*<br>- Mewujudkan suasana harmoni *(1m)* dalam masyarakat. *(1m)*<br>- Sistem wakaf yang sistematik *(1m)* meliputi aspek keperluan asas, pendidikan dan kesihatan. *(1m)* | 2 isi x 2m = 4m |
| | | (iii) | Jawapan KBAT 4M.<br><br>Pada pandangan anda, apakah cabaran untuk membina generasi masa kini yang hebat sebagaimana tokoh di atas? Huraikan.<br><br>**RUBRIK PENSKORAN:** | 4m |

| Pemerintah terkenal kerajaan Uthmaniah |
|---|
| Uthman bin Ertughrul |
| Murad I bin Urkhan |
| Muhammad al-Fateh bin Murad II |
| Sulaiman al-Qanuni bin Salim I |

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan satu isi sahaja. | 1 m |
| Menyatakan isi berserta huraian ringkas. | 2 m |
| Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya. | 3 m |
| Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4 m |



Scanned with CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | **Cadangan isi.**<br>- Penggunaan gajet yang melampaui batas.<br>- Lebih gemar memberi tumpuan kepaada aktiviti hiburan yang melalaikan.<br>- Kurang memberi tumpuan terhadap membina potensi diri<br>- Kurang cakna terhadap kehebatan tokoh Islam terdahulu.<br>- Pengaruh budaya barat yang negatif / hedonisme.<br><br>**Catatan**: Mana-mana jawapan yang munasabah diterima | |
| | (*b*) | (i) | **Dua** ciri kepimpinan Saidina Ali bin Abi Talib.<br>- Tegas<br>- Berpandangan jauh<br>- Berilmu<br>- Berani | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (ii) | **Dua** pencapaian pemerintahan Kerajaan Khulafa al-Rashidin dalam bidang agama.<br>- Khalifah Abu Bakar Al-Siddiq berjaya memerangi golongan murtad, nabi palsu dan golongan yang enggan membayar zakat.<br>- Khalifah Umar bin Al-Khattab menyebarkan dakwah Islam sehingga tersebar di wilayah Mesir, Parsi dan Rom. | 2 isi x 2m = 4m |
| | | (iii) | Jawapan KBAT 4M.<br><br>Usaha mengumpul, menulis dan membukukan Al-Quran giat dijalankan pada zaman pemerintahan Khulafa al- Rasyidin membuktikan keprihatinan khalifah dalam memelihara al-Quran.<br><br>Bagaimanakah usaha Khulafa al-Rasyidin di atas mampu diteruskan oleh generasi hari ini?.<br><br>**RUBRIK PENSKORAN:** | 4m |

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan satu isi sahaja. | 1 m |
| Menyatakan isi berserta huraian ringkas. | 2 m |
| Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya. | 3 m |
| Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4 m |



Scanned with CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | **Cadangan isi.**<br>- **Mencetak naskhah al-Quran secara konsisten bagi menggantikan naskhah al-Quran yang lama.**<br>- **Mempelajari / menghafaz / mengamalkan ajaran al-Quran dalam kehidupan seharian.**<br>- **Menyebarkan ilmu al-Quran melalui pelbagai medium seperti kelas pengajian, media sosial dan program dakwah.**<br>- **Mengadakan kempen mencintai al-Quran / program Quran Hour.**<br>- **Memberi pengiktirafan kepada institusi tahfiz.**<br>- **Memberi pendidikan al-Quran kepada anak sejak dari kecil.**<br><br>**Catatan: Mana-mana jawapan yang munasabah diterima** | |



Scanned with CamScanner

<table>
<tr><th colspan="3">NO. SOALAN</th><th>PERATURAN PEMARKAHAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>5</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud Tawaduk :<br>Sikap kerendahan hati (1m) kepada Allah SWT dan sesama manusia. (1m)</td><td>1 isi x 2m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Contoh sifat Tawaduk Rasullullah SAW ketika makan dan minum.<br>- Baginda tidak pernah mencela makanan yang disediakan.<br>- Jika menyukai makanan tersebut, baginda akan memakannya.<br>- Baginda akan meninggalkan makanan yang baginda tidak suka.<br>- Baginda tidak menzahirkan perasaan, sebaliknya berdiam.</td><td>2 isi x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Jawapan KBAT 2M –<br><br>Kejayaan yang dikecapi oleh seseorang boleh menyebabkan seseorang itu menjadi lupa diri dan sombong.<br><br>Apakah kesan sekiranya situasi di atas wujud pada individu muslim?<br><br>RUBRIK PENSKORAN:<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas</td><td>2 markah</td></tr></table><br>Cadangan isi:<br>- Dipandang rendah dan dibenci oleh masyarakat.<br>- Menjadi lalai serta lupa untuk bersyukur.<br>- Menjejaskan hubungan silaturahim.<br>- Sukar menerima nasihat dan teguran daripada orang lain.<br><br>Catatan: Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Jawapan KBAT 4M-<br><br>Bagaimanakah sifat tawaduk dapat mengelakkan situasi di atas? Huraikan.<br><br>**RUBRIK PENSKORAN:** | 4m |
| | | (iv) | | |

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan satu isi sahaja. | 1 m |
| Menyatakan isi berserta huraian ringkas. | 2 m |
| Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya. | 3 m |
| Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4 m |

**Cadangan isi:**

- Menyedari bahawa kejayaan yang diperolehi adalah kurniaan Allah SWT.
- Sentiasa bersyukur atas kejayaan.
- Sentiasa muhasabah kelebihan dan kelemahan diri.
- Menjadikan kejayaan sebagai pembakar semangat untuk membantu orang lain.

**Catatan**: Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (*b*) | (i) | **Dua** adab terhadap orang sakit dari aspek fizikal:<br>- Memastikan tempat dan tubuh badan pesakit sentiasa bersih. *(1m)*<br>- Menyediakan keperluan dan kemudahan asas untuk pesakit. (*1m)* | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (ii) | Hikmah beradab terhadap orang sakit:<br>- Menggembirakan pesakit *(1m)* agar hatinya tenang dalam menempuh ujian Allah SWT. *(1m)*<br>- Mengeratkan ukhuwah sesama anggota masyarakat *(1m)* agar hidup perpaduan dapat dibentuk. *(1m)*<br>- Melahirkan keinsafan *(1m)* kerana diberikan nikmat kesihatan setelah melihat penderitaan pesakit. *(1m)* | 1 isi x 2m = 2m<br><br>Isi (1m) + Huraian (1m) = 2m |

 © 2026 Hak Cipta BPSBP 

Scanned with CamScanner

Jawapan KBAT 2M. 2m



(iii) Berdasarkan gambar di atas, kaitkan tindakan individu A dengan adab terhadap orang sakit.

**RUBRIK PENSKORAN:**

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja | 1 markah |
| Menjelaskan isi berserta huraian ringkas | 2 markah |

**Cadangan jawapan:**

- Individu A tidak menjaga ketenteraman emosi pesakit *(I-1m)* kerana tindakannya boleh menyebabkan pesakit berasa tertekan dan terganggu. *(H-1m)*
- Individu A tidak menjaga perasaan pesakit *(I-1m)* kerana memaksa rakannya berswafoto walaupun pesakit berasa malu dan tidak selesa. *(H-1m)*
- Individu A tidak menghormati privasi pesakit *(I-1m)* kerana memuat naik gambar rakannya ke media sosial tanpa keizinan. *(H-1m)*
- Individu A tidak menunjukkan sikap prihatin terhadap pesakit *(I-1m)* kerana lebih mementingkan perkongsian di media sosial berbanding keselesaan rakannya yang sedang sakit. *(H-1m)*
- Individu A tidak menjaga adab ketika menziarahi orang sakit *(I-1m)* kerana tindakannya boleh mengaibkan pesakit apabila gambar tersebut dilihat oleh orang ramai. *(H-1m)*

**Catatan:** Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.

Scanned with CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iv) | Jawapan KBAT 4M.<br>Sebagai seorang rakan, apakah yang perlu anda lakukan agar tindakan individu A memenuhi tuntutan adab terhadap orang sakit? Huraikan. | 4m |

**RUBRIK PENSKORAN:**

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan satu isi sahaja. | 1 m |
| Menyatakan isi berserta huraian ringkas. | 2 m |
| Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya. | 3 m |
| Menyatakan isi berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4 m |

**Cadangan isi:**

- Menasihatinya supaya meminta keizinan pesakit terlebih dahulu sebelum mengambil atau memuat naik gambar di media sosial.
- Menegurnya agar menjaga perasaan pesakit dan tidak memaksa pesakit berswafoto ketika berada dalam keadaan tidak selesa.
- Menerangkan kepadanya bahawa menjaga privasi pesakit merupakan salah satu tuntutan adab terhadap orang sakit dalam Islam.
- Mengajaknya supaya memberikan kata-kata semangat dan doa kepada pesakit berbanding menjadikan lawatan tersebut sebagai kandungan media sosial.
- Mengingatkannya agar menziarahi pesakit dengan ikhlas.
- Menyedarkannya agar mengelakkan perbuatan yang boleh mengganggu emosi dan ketenteraman pesakit.

**Catatan:** Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

Scanned with CamScanner